

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2011/2012

NAMA KURSUS	:	PERAKAUNAN AWALAN
KOD KURSUS	:	BBL 10102
KURSUS	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2012
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	

- (1) Jawab SEMUA soalan Bahagian A dalam kertas soalan OMR
- (2) Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian B dalam kertas jawapan
- (3) Kertas soalan ini tidak dibenarkan dibawa keluar dari dewan peperiksaan

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI (14) MUKA SURAT

SULIT

- S1 Penyimpan kira perlu menganggap bahawa sesebuah perniagaan ditubuhkan dan akan beroperasi untuk sesuatu jangkamasa yang lama serta yang berterusan. Andaian ini dirujuk sebagai.....
- A Konsep Usaha Berterusan
B Konsep Tempoh Perakaunan
C Konsep Catatan Bergu
D Konsep Wang sebagai Unit Ukuran
- S2 En Ali mempunyai sebuah Kedai Menjual Alat Elektrik. Alat hawa dingin rumahnya telah rosak dan En Ali mengeluarkan seunit alat hawa dingin Nasional untuk dipasang dan mengantikan yang rosak di rumahnya. Pengeluaran ini akan dicatat dalam buku akaunnya sebagai ambilan dan akan mengurangkan jumlah modal semasa penyimpanan Kunci Kira-kira. Tindakan ini berasaskan konsep.....
- A Wang sebagai nilai ukuran
B Entiti Berasingan
C Pemadanan
D Catatan Bergu
- S3 Konsep Kos Sejarah menerangkan bahawa pembelian sesebuah van dengan harga RM65,000 untuk kegunaan perniagaan perlu dicatat sebagai.....
- A RM65,000
B RM65,000 + 5% kos
C RM65,000 - RM10,000(susutnilai)
D RM65,000 + RM2000(anggaran untung kalau dijual)
- S4 Berikut adalah konsep dan prinsip Simpankira kecuali
- A Entiti Berasingan
B Usaha Berterusan
C Kos Sejarah
D Adil dan Saksama
- S5 Syarikat Kereta Parit Raja memulakan catatan akaun barunya pada 1 Jun 2011 dan menutup serta menyediakan akaun penamatnya untuk hitungan untung atau rugi pada 31 Disember 2011. Keputusan ini adalah berlandaskan penetapan konsep.....
- A Catatan Bergu
B Untung Rugi
C Tempoh Perakaunan
D Jangkamasa Urusniaga

S6 Prinsip Catatan Bergu menekankan perkara berikut kecuali

- A setiap urusniaga perlu dicatat dua kali
- B belian sebuah meja perlu dicatat ke dalam Akaun Perabot
- C catatan jualan barang secara tunai adalah debit Akaun Tunai dan kredit Akaun Jualan
- D Catatan di debit sesebuah akaun mesti dikreditkan akaun lain atau akaun yang sama

S7 Dokumen perniagaan adalahyang sah kepada sesuatu urusniaga dicatatkan dalam buku akaun.

- A rujukan
- B resit
- C bukti
- D panduan

S8 Berikut ialah dokumen yang melibatkan catatan akaun kecuali

- A resit tunai
- B nota serahan
- C invois
- D nota debit

S9 Apabila sesuatu belian barang itu dilakukan secara kredit, dokumen berikut akan diterima,

- A Invos
- B Nota Kredit
- C Penyata Akaun
- D Nota Serahan

S10 Apabila sesuatu barang yang dibeli itu dipulangkan kerana jenama yang salah, dokumen berikut akan dikeluarkan

- A Nota Kredit
- B Nota Debit
- C Nota Serahan
- D Nota Belian

S11 Sekiranya kerani pejabat memerlukan RM2.00 untuk membeli dua cawan kopi untuk tetamu, dokumen yang sesuai untuk digunakan ialah.....

- A Memo
- B Resit
- C Baucer Pembayaran
- D Memo Pejabat

S12 Pengurus Syarikat Cinta Jati, En Ramli telah mengambil dua botol syampu harga RM23.00 untuk kegunaan sendirinya. Dokumen yang sesuai untuk digunakan sebagai merekod urusniga ini ialah,

- A Memo Pejabat
- B Invos
- C Baucer Pembayaran
- D Resit

S13 dan S15 merujuk kepada rajah S13 berikut

INVOIS					No. 3890
SYARIKAT SASSY CURLS 23, Jalan Damai 8 54100 Kuala Lumpur Tel : 03-26153883 Faks : 03-26153883					
					Tarikh: 19 Mac 20X8
No. Rujukan	Butir	Kuantiti	Harga Sebotol (RM)	Jumlah (RM)	
H 883	Syampu Hana	60 botol	25.00	1 500	
K 699	Syampu Kina	50 botol	35.00	1 750	
				3 250	
				650	
				JUMLAH	2 600

(Ringgit Malaysia. Dua ribu enam ratus sahaja)
Syarat : 5% 14 hari, 3% 30 hari
Serahan : Angutan dibayar
K. & K. dik.

Muslimah
Penerima

En. May
Pengurus

RAJAH S13

S13 Dokumen rajah S13 diterima oleh Syarikat Wella (anda sedang menyediakan buku akaun untuk syarikat ini) kerana

- A belian kredit
- B belian tunai
- C jualan kredit
- D jualan tunai

S14 Jumlah yang perlu dicatatkan dalam buku akaun ialah

- A RM3250.00
- B RM2600.00
- C RM5850.00
- D RM2570.00

S15 Kalau Syarikat Wella menjelaskan jumlah invos ini pada 26 Mac 2008, jumlah tunai yang perlu dibayar kepada Syarikat Sassy Curls ialah

- A RM2470.00
- B RM2600.00
- C RM2522.00
- D RM2730.00

S16 Kenyataan berikut adalah jenis liabiliti yang mungkin ujud dalam sesebuah perniagaan.

- A Pemutang, Overdraft, Belian Kredit.
- B Belanja Terakru, Pendapatan Terakru, Liabiliti Semasa
- C Modal, Liabiliti Jangkamasa Panjang, Liabiliti Semasa
- D Ekuiti Pemilik, Liabiliti Jangkamasa Panjang, Liabiliti Semasa

S17 En Tan membawa masuk kenderaan RM20,000 dan Tunai di Bank sebanyak RM13,000 untuk memulakan perniagaan. Modal yang En Tan laburkan ialah

- A RM33,000
- B RM20,000
- C RM13,000
- D RM7,000

S18 Pilih kenyataan yang tidak tepat.

- A Catatan Pertama adalah catatan yang berpandukan dokumentasi yang ada.
- B Akaun Untung Rugi disediakan untuk mengira Untung atau Rugi kasar untuk satu jangkamasa perakaunan.
- C Akaun Perniagaan disediakan dengan mengambil kira jumlah aset yang dibeli dalam jangkamasa perakaunan sahaja.
- D Kunci Kira-kira disediakan pada akhir tempoh perakaunan untuk memperlihatkan aset dan liabiliti perniagaan.

S19 En Tan membawa masuk tunai di tangan RM5000, Penghutang RM450, Pemutang RM350 untuk memulakan perniagaan. Modal En Tan adalah.....

- A RM5100.00
- B RM4900.00
- C RM5000.00
- D RM5800.00

S20 ialah kos yang dikenakan untuk perkhidmatan yang digunakan oleh perniagaan semasa menjalankan perniagaan dengan tujuan untuk mendapatkan hasil bagi sesuatu perniagaan.

- A Belanja
- B Pendapatan
- C Aset
- D Liabiliti

S21 "21 April 2012 jualan kredit barang perniagaan kepada Kedai Tong Tong" Catatan Pertama untuk urusniaga di atas adalah

- A Jurnal Pembiutang
- B Jurnal Penghutang
- C Jurnal Am
- D Buku Tunai tiga ruangan

S22 Urusniaga berikut direkodkan ke dalam Jurnal Pulangan Masuk.

- A Pembiutang mengenakan bayaran tambahan untuk invos bernombor 3123
- B Diskaun niaga yang diberikan kepada invois pada 12 Jun 2012
- C Pemulangan barang yang dipinjam oleh tuan punya niaga tempoh hari.
- D Penghutang memulangkan barang yang salah dihantar kepadanya.

S23 Pulangan Keluar adalah dianggap sebagai

- A Pulangan Belian
- B Pulangan Jualan
- C Pulangan Belanja
- D Pulangan Pembiutang

S24 dan S25 merujuk kepada rajah S24 berikut.

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
1 Jun 2012	Premis	60,000	
	Lengkapan pejabat	9,000	
	Kenderaan	60,000	
	Tunai	2,000	
	Pinjaman Bank		13,000
	Pembiutang		15,000
	(Aset, Liabiliti dan Modal pada tarikh ini)		

RAJAH S24

S24 Dari Catatan Am di atas, jumlah modal perniagaan pada 1 Jun 2012 ialah

- A RM130,000
- B RM 28,000
- C RM103,000
- D RM131,000

S25 Jumlah imbangan di sebelah Debit dan Kredit ialah.....

- A RM 28,000
- B RM 15,000
- C RM 2,000
- D RM131,000

S26 Berikut merupakan Akaun yang berjenis aset kecuali

- A Akaun Tunai
- B Akaun Modal
- C Akaun Kenderaan
- D Akaun Perabot

S27 Berikut merupakan kesan urusniaga di bawah, kecuali

” 23 April 2012 - membeli barang RM6,000, RM3500 dibayar dengan cek dan yang baki menerima invos dari penjual”

- A Debit Akaun Belian RM6000
- B Debit Akaun Penghutang RM2500
- C Kredit Akaun Bank RM3500
- D Kredit Akaun Pembiutang RM2500

S28 Catatan bergu untuk urusniaga Akaun Jualan berikut ialah

Dt	Akaun Jualan				Kt		
Tarikh	Butir	Folio	Jumlah	Tarikh	Butir	Folio	Jumlah
				20/4	Kedai Bonia		1250

- A debit Akaun Tunai RM1250.00
- B debit Jurnal Jualan RM1250.00
- C debit akaun Kedai Bonia RM1250.00
- D debit Akaun Jualan RM1250.00

S29 Pada 15 April 2012, urusniaga di bawah telah dicatat dalam lejar yang berpatutan. Kenalpasti catatan yang betul.

"menjual satu unit komputer dari pejabat dengan tunai RM1300 kepada Kedai Dinding"

- A Akaun Jualan kredit RM1300, Akaun Kedai Dinding debit RM1300
- B Akaun Jualan kredit RM1300, Akaun Tunai debit RM1300
- C Akaun Alatan Pejabat kredit RM1300, Akaun Tunai debit RM1300
- D Akaun Alatan Pejabat kredit RM1300, Kedai Dinding debit RM1300

S30 Kenalpasti kenyataan yang betul berkaitan dengan Akaun Alatan Pejabat di bawah.

- Dt Akaun Alatan Pejabat Kt

Tarikh	Butir	Folio	Jumlah	Tarikh	Butir	Folio	Jumlah
1 Apr	Baki	b/b	1,000	21 Apr	Tunai		400
	Bank		2,500				
20/4	Tunai		500				

- A Akaun Alatan Pejabat mempunyai baki debit pada 21 April
- B Akaun Alatan Pejabat mempunyai baki kredit pada 21 April
- C Pembelian alatan baru telah dilakukan pada 1 April berjumlah RM3,500
- D Pemulangan dalam bentuk tunai telah dilakukan pada 21 April sebanyak RM400.

S31 dan S32 merujuk kepada rajah S31

Dt BUKU TUNAI Kt

Tarikh	Butir	Folio	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Folio	Tunai	Bank
1 Mac	Baki		1,000	15,000	6 Mac	Belian			2,000
2 Mac	Jualan		600			Sewa		1,000	
9 Mac	Komisen			2,000	10 Mac	Tunai	(k)		1,000
10 Mac	Bank	(k)	1,000						
15 Mac	Faedah			1,500				1600	15500
			2600	18500					

RAJAH S31

S31 Kenyataan yang betul berkenaan Buku Tunai di rajah S31 ialah

- i. pada 15 Mac, faedah diterima dengan cek ialah RM1,500
 - ii. sewa diterima secara tunai sebanyak RM1,000 berlaku pada 6 Mac
 - iii. catatan kontra telah dilakukan pada 10 Mac.
 - iv. Pada 1 Mac, tunai di tangan ialah sebanyak RM1,000
- A i dan ii sahaja
B ii dan iii sahaja
C i, iii dan iv sahaja
D i, ii, iii, dan iv.

S32 Baki-baki hantar ke bawah pada 30 April adalah

- i. Baki tunai hantar bawah ialah RM1600
 - ii. Baki tunai hantar bawah ialah RM2600
 - iii. Baki bank hantar bawah ialah RM15500
 - iv. Baki Sewa hantar bawah ialah RM1000
- A i dan iii sahaja
B ii dan iii sahaja
C iii dan iv sahaja
D i, iii dan iv sahaja

S33 – S36 merujuk kepada rajah S33 berikut.

Imbangan Duga pada tarikh 30 April 2012

Butir	Debit	Kredit
Modal		20000
Tunai	1000	
Bank	8000	
Belian		5000
Jualan	1200	
Pulangan Keluar		450
Pulangan Masuk	235	
Angkutan Masuk	278	
Angkutan Keluar		65
Pembiutang	650	
Penghutang	2000	
Premis	5678	
Lekapan dan Lengkapan	3543	
Pinjaman Bank	5000	
Ambilan	250	
Upah Dibayar		
Gaji Dibayar		200
Sewa Dibayar		3000
Diskaun Diterima	3401	
Komisen Diterima	3000	
Hutang Lapuk	2000	
	36235	28715

RAJAH S33

S33 Kesalahan berikut adalah diantara yang telah dikenalpasti dalam Imbangan Duga rajah S33.

- i. Belian sepatutnya didebitkan dengan RM5000
- ii. Jualan sepatutnya dikreditkan dengan RM1200
- iii. Pulangan Keluar sepatutnya didebitkan dengan RM450
- iv. Pulangan Masuk sepatutnya dikreditkan dengan RM278

- A i dan ii sahaja
- B iii dan iv sahaja
- C i dan iii sahaja
- D i, ii, iii dan iv.

S34 Selain dari S33, kesalahan berikut telah dikenalpasti dalam Imbangan Duga rajah S33.

- i. Angkutan Masuk sepatutnya dikreditkan dengan RM278
- ii. Angkutan Keluar sepatutnya didebitkan dengan RM65
- iii. Penghutang sepatutnya dikreditkan dengan RM2000
- iv. Ambilan sepatutnya dikreditkan dengan RM250

- A i sahaja
- B ii sahaja
- C iii sahaja
- D ii, iii dan iv sahaja

S35 Anda telah menyusun semula baki-baki debit dalam Imbangan Duga dan mendapati jumlah baki debit ialah,

- A 33,400
- B 32,400
- C 34,560
- D 34,650

S36 Setelah menyiasat Akaun Modal dan mendapati baki modal telah tersalah catat dalam Imbangan Duga. Anda telah menggunakan Konsep Padanan (Aset – Liabiliti = Modal) dan mendapati modal yang sepatutnya ialah,

- A 21,350
- B 21,000
- C 21,100
- D 20,900